



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
(Chief Executive Officer)  
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Mercu MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

6/11/18

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 ( 14 )

Tarikh : 24 Disember 2018



KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

Notification for Senate

22/1/18

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 9/2018

PROF. DR. ISARJI HJ. SARUDIN  
Deputy Rector, ODRAIL

PERMOHONAN AKREDITASI PENUH BAGI PROGRAM SARJANA TAHAP 7 MQF DAN KEDOKTORAN TAHAP 8 MQF SECARA PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa surat makluman ini bertujuan untuk menjelaskan kandungan pada Perkara 4 dalam Surat Makluman MQA Bil. 1/2014 bertarikh 28 Januari 2014 iaitu berkaitan dengan keperluan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk mengemukakan dokumen permohonan Akreditasi Penuh sebaik sahaja pelajar telah mengemukakan draf tesis penyelidikan.

3. Sehubungan itu, bagi program Sarjana Tahap 7 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dan Kedoktoran Tahap 8 MQF secara penyelidikan, permohonan Akreditasi Penuh yang dikemukakan oleh PPT perlu disertakan satu perakuan pengesahan bahawa terdapat sekurang-kurangnya seorang pelajar daripada program tersebut telah mengemukakan draf akhir tesis penyelidikan bagi tujuan penilaian PPT.

4. Semakan dan pengesahan terhadap perkara ini akan dilaksanakan semasa pihak MQA mengadakan lawatan penilaian Akreditasi Penuh. Kegagalan PPT dalam mematuhi keperluan ini akan menjejaskan proses penilaian bagi program yang berkaitan.

5. PPT diharap dapat mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan urusan berkaitan permohonan dan penilaian Akreditasi Penuh dapat dilaksanakan dengan lancar bagi tujuan memenuhi jaminan kualiti pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

*Rahmah Binti Mohamed*

(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: [rahmah@mqa.gov.my](mailto:rahmah@mqa.gov.my)

*Isarji*  
*Dzul Kifli Abdul Razak*  
DZULKIFLI ABDUL RAZAK, Rector  
Prof. Emeritus Tan Sri Dato'  
International Islamic University Malaysia